

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



MANULIFE INSURANCE BERHAD
(200801013654 (814942-M))

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai insurans berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh: <DD MM YYYY>

1 Apakah ELITELIFE SIGNATURE HERITAGE?

ELITELIFE SIGNATURE HERITAGE ialah pelan berkala premium selama 5 tahun berasaskan pelaburan yang menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan. Jika anda meninggal dunia atau mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal sepanjang tempoh polisi, pelan ini akan membayar jumlah yang tertinggi daripada:

- i) Nilai Muka Asas;
- ii) Nilai Amaun Muka Warisan; atau
- iii) Nilai Akaun.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai contoh, dengan RM <premium> setahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Kematian	Lebih tinggi daripada: i) RM500,000; ATAU ii) Nilai Amaun Muka Warisan; ATAU iii) jumlah Nilai Akaun
Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)	Lebih tinggi daripada: i) RM500,000; ATAU ii) Nilai Amaun Muka Warisan; ATAU iii) jumlah Nilai Akaun Nota: Sebarang manfaat TPD yang dibayar akan mempercepatkan Manfaat Kematian.
Perlindungan/Manfaat Tambahan	• Manfaat Penjagaan Warga Emas • Manfaat Rawatan Penyakit Kritikal di Luar Negara • Manfaat Kematian Akibat Kemalangan • Pengecualian Bayaran Premium Penyakit Kritikal • Bonus Penyertaan • Bonus Kesetiaan • Penggalak Pendapatan • Manfaat Jaminan Tidak Luput • Pengimbangan Semula Dana Automatik • Manfaat Pembaharuan Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut.

Nota: Ilustrasi di atas menunjukkan contoh manfaat dan premium untuk pelanggan lelaki berusia 30 tahun yang sihat, dengan anggapan dana yang dipilih adalah 100% dalam Dana Ekuiti, dengan jumlah muka asas sebanyak RM500,000. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat penuh mengenai manfaat dan premium anda.

Insurans berkaitan pelaburan anda **tidak termasuk:**

- **Bunuh Diri** - Manfaat kematian tidak dibayar di bawah pelan ini sekiranya kematian yang Diinsuranskan adalah disebabkan oleh, sama ada waras atau tidak, membunuh diri, dalam tempoh 13 bulan dari Tarikh Pengeluaran atau mana-mana Tarikh Penguatkuasaan Semula, mana-mana yang lebih kemudian.
- Manfaat TPD dan Penjagaan Warga Emas tidak akan dibayar untuk sebarang keadaan perubatan yang wujud sebelum pembelian pelan ini (iaitu keadaan sedia ada).
- Untuk Manfaat Rawatan Penyakit Kritikal di Luar Negara dan Pengecualian Bayaran Premium Penyakit Kritikal, manfaat tidak akan dibayar jika Kejadian Dilindungi Penyakit Kritikal disebabkan oleh:
 - Keadaan sedia ada pada Tarikh Pengeluaran atau tarikh penguatkuasaan semula pelan ini;
 - Disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh penyalahgunaan alkohol atau bahan terlarang, keabnormalan kongenital termasuk kecacatan fizikal sejak lahir, cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ke atas diri sendiri; atau
 - Penyertaan dalam sebarang aktiviti berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada, pendakian gunung, selam skuba, luncur udara dan lain-lain.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans berkaitan pelaburan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
(03) 2719-9112



Lawati kami di:
www.manulife.com.my/products



Hantarkan emel kepada kami di:
MYCARE@manulife.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans berkaitan pelaburan anda, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium (termasuk sebarang cukai yang berkenaan)	RM <premium> <mod premium> Tambah Nilai Tunggal pada Tahun Pertama: <Ya/ Tidak>
Tempoh: 5 tahun	
Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan yang anda pilih.	
Premium diperuntukkan untuk membeli unit	<XXX.XX> % daripada jumlah premium yang dibayar atau RM <XXX.XX> (termasuk Bonus Penyertaan) Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut mengenai kadar peruntukan premium.
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Komisen	<XXX.XX> % daripada jumlah premium yang dibayar atau RM <XXX.XX>
Caj Insuran	Ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun dan biasanya meningkat apabila Orang Yang Diinsuranskan meningkat umur.
Caj Pentadbiran	RM <XXX.XX> ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun.
Caj Pengurusan Dana	Sila rujuk Lembaran Fakta Dana masing-masing untuk maklumat mengenai Caj Pengurusan Dana.
Caj Premium Tertunda	Caj Premium Tertunda sebanyak 8.50% daripada Nilai Akaun dalam Akaun Premium Insurans (IPA) akan dikenakan untuk 5 Tahun Polisi pertama atau sejumlah 60 kali secara bulanan, mana-mana yang lebih kemudian, berkuat kuasa dari Tarikh Pengeluaran.
Caj Cuti Premium	Caj Cuti Premium akan dikenakan sekiranya premium masih belum dibayar pada akhir Tempoh Tenggang semasa Tahun Polisi pertama 5 atau sebelum penolakan Caj Premium Tertunda selesai sebanyak 60 kali secara bulanan, mana-mana yang lebih kemudian.
Caj Pengeluaran Sebahagian/Serahan Penuh	Caj Pengeluaran Sebahagian atau Caj Serahan Penuh dikenakan jika pengeluaran sebahagian/serahan penuh dibuat dari IPA dalam 5 Tahun Polisi pertama atau sebelum penamatan pemotongan Caj Premium Tertunda sebanyak 60 kali secara bulanan, mana-mana yang lebih kemudian.

Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj.

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda dengan tepat. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- Nilai tunai produk ini bergantung kepada prestasi dana yang anda pilih.
- Manulife berhak untuk meningkatkan jumlah premium pada ulang tahun polisi yang akan datang sekiranya terdapat sebarang semakan terhadap Caj polisi yang boleh dikaji semula (termasuk Caj Insurans bagi mana-mana rider yang dilampirkan pada polisi) dengan memberikan notis sekurang-kurangnya 90 hari lebih awal.
- Manulife akan membenarkan Tempoh Tenggang selama tiga puluh (30) hari dari tarikh akhir pembayaran setiap premium di bawah polisi ini. Sekiranya anda memutuskan untuk berhenti membayar premium, terdapat kemungkinan polisi tersebut akan luput apabila Nilai Akaun tidak mencukupi untuk menolak semua caj polisi yang berkaitan.
- Anda dinasihatkan untuk menamakan penama bagi permohonan insurans anda untuk memastikan penyelesaian tuntutan berjalan lancar. Anda juga harus memastikan bahawa penama tersebut menyedari polisi yang telah anda beli. Adalah penting bahawa anda, penama anda atau pemegang amanah anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat hubungan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda, penama anda atau pemegang amanah anda dengan tepat pada masanya.
- Untuk butiran tentang cara membuat tuntutan, sila rujuk panduan kami di www.manulife.com.my.
- Kelayakan untuk manfaat MHI (jika berkenaan) di bawah polisi hanya akan bermula sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas tarikh berkuatkuasa polisi.
- INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG BERKAITAN DENGAN PRESTASI ASET ASAS, DAN BUKAN PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI AMANAH SAHAM.**
- LINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Manulife Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).**

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkan saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- Tempoh Percubaan Percuma:** Anda boleh membatalkan polisi anda dalam masa 15 hari dari tarikh penerimaan polisi. Caj polisi (tidak termasuk Caj Pengurusan Dana) dan Nilai Akaun berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAV) pada tarikh penilaian seterusnya selepas tarikh penerimaan notifikasi pembatalan bertulis, ditolak dengan sebarang yuran pemeriksaan yang telah ditanggung, akan dikembalikan kepada anda dan polisi tersebut akan dibatalkan selepas itu.
- Selepas Tempoh Percubaan Percuma:** Anda boleh menyerahkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada Syarikat. Caj Serahan (jika ada) akan dikenakan semasa penyerahan. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut.

jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.